

29/10/1997

Peniaga tidak amal etika kebersihan

KOTOR ... teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai kekotoran yang berlaku di negara ini wajar dijadikan iktibar penduduk untuk menjaga kebersihan persekitaran dari semasa ke semasa.

Bagaimanapun, apa yang menyedihkan teguran itu jelas tidak mendapat tindak balas positif.

Misalnya, peniaga di pasar awam pekan Tuaran (gambar) didapati seolah-olah sengaja mengotorkan persekitaran pasar itu dengan sampah mereka menyebabkan pemandangan menjijikkan.

Sehubungan itu, tindakan menyalahkan pihak berkuasa tempatan daerah tidak mengutip sampah di kawasan berkenaan tidak wajar dilakukan kerana puncanya adalah daripada peniaga itu sendiri.

Justeru, orang ramai terutama peniaga di pekan itu perlu mengutamakan kebersihan dengan membuang sampah pada tempat yang disediakan di kawasan berkenaan.

(END)